

# Adib: Pindaan perlembagaan bukan untuk wujud republik

PARIT, Jumaat — Menteri Penerangan, Datuk Seri Adib Adam hari ini membidas golongan yang menyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu mewujudkan sebuah negara republik dengan mengadakan pindaan perlembagaan.

Beliau berkata, pindaan itu yang sedang hangat diperkatakan sekarang telah dijadikan isu oleh golongan tertentu untuk membangkitkan kemarahan orang-orang Melayu.

Katanya, mereka mendakwa kononnya kuasa raja-raja akan tergugat dengan pelaksanaan pindaan itu sedangkan golongan itu sendiri tidak memahami keseluruhan kandungan perlembagaan yang ada sekarang.

## Gugat

Beliau menegaskan demikian ketika merasmikan khemah kerja pemimpin-pemimpin belia Perak Tengah anjuran Jabatan Penerangan Perak Tengah dengan kerjasama Belia 4B Kampung Bota Kiri di Sekolah Kebangsaan Bota Kiri dekat sini.

Khemah kerja tiga hari itu bertujuan memberi penerangan kepada para belia mengenai dasar-dasar kerajaan dan hal-ehwal semasa.

Menurut Datuk Seri Mohammad Adib, pin-

daan perlembagaan itu sebenarnya tidak langsung melibatkan kuasa raja-raja atau menggugat kedudukan mereka.

Katanya, pindaan itu hanya untuk memperkemas serta melicinkan lagi pentadbiran negara ini.

"Kuasa raja-raja telah ditentukan dalam perlembagaan dan tidak siapa pun boleh menggugatnya," tegasnya.

Sekiranya rakyat memahami kedudukan sebenarnya dakwaan bahawa kerajaan ingin mewujudkan sebuah republik tidak akan timbul.

Beliau menyarankan para belia supaya membaca dan memahami kandungan perlembagaan agar mereka tidak terpengaruh dengan dakwaan seumpama itu.